



جَائِزَةُ الْكَوْنِ فِي خِزَانَةِ جُوهَرَ

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. : 07-2199000
Faks : 07-2213133

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (34)
Takwim : 18 Zulkaedah 1444H
Tarikh : 7 Jun 2023

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 3 TAHUN 2023**

**Garis Panduan Pakaian Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan
Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan
Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Ketua Pendakwa Syarie,
Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan Pegawai Mahkamah di dalam Dewan
Mahkamah Syariah**

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan kepada keputusan Mesyuarat Majlis
Hakim-Hakim Syarie Negeri Johor Bil.2/2023 bertarikh 12 Januari 2023 bersamaan
19 Jamadilakhir 1444H telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai

Arahan Amalan berhubung Garis Panduan Pakaian Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie dan Pegawai Mahkamah di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti di lampiran.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 1 Julai 2023.



(YAA TUAN HAJI MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
7. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor

Garis Panduan
Pakaian Ketua Hakim Syarie di dalam Dewan Mahkamah Syariah

Garis Panduan Pakaian Ketua Hakim Syarie ketika prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

1. Jubah khas.
2. Songkok hitam.
3. Kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam; atau Baju Melayu Teluk Belanga hitam dan bersamping hitam bercorak.
4. Stoking hitam dan kasut hitam.

CONTOH TEKNIKAL JUBAH HAKIM : KETUA HAKIM NEGERI (Rasmi)



Garis Panduan

Pakaian Hakim Mahkamah Rayuan Syariah di dalam Dewan Mahkamah Syariah

Garis Panduan Pakaian Hakim Mahkamah Rayuan Syariah ketika prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

1. Jubah khas.
2. Songkok hitam.
3. Kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam; atau Baju Melayu Teluk Belanga hitam dan bersamping hitam bercorak.
4. Stoking hitam dan kasut hitam.

CONTOH TEKNIKAL JUBAH HAKIM : HAKIM MAHKAMAH RAYUAN (Rasmi)



Garis Panduan

Pakaian Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di dalam Dewan Mahkamah Syariah


Garis Panduan Pakaian Hakim Mahkamah Tinggi Syariah ketika prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

1. Jubah khas.
2. Songkok hitam.
3. Kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam; atau Baju Melayu Teluk Belanga hitam dan bersamping hitam bercorak.
4. Stoking hitam dan kasut hitam.

CONTOH TEKNIKAL JUBAH HAKIM : HAKIM MAHKAMAH TINGGI (Rasmi)



Sulaman (kuning keemasan)
Based (Warna Hitam)



Garis Panduan
Pakaian Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah
dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah di dalam Dewan Mahkamah Syariah

Garis Panduan Pakaian Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dan Hakim Mahkamah Rendah Syariah ketika prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

1. Jubah khas.
2. Songkok hitam.
3. Kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam; atau Baju Melayu Teluk Belanga hitam dan bersamping hitam bercorak.
4. Stoking hitam dan kasut hitam.

CONTOH TEKNIKAL JUBAH HAKIM : KETUA PENDAFTAR - HAKIM MAHKAMAH RENDAH (Rasmi)



Garis Panduan
Pakaian Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie
di dalam Dewan Mahkamah Syariah.

Garis Panduan Pakaian Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie ketika prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti berikut :

Lelaki :

1. Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja).
2. Songkok hitam.
3. Kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam; atau Baju Melayu Teluk Belanga hitam dan bersamping hitam bercorak.
4. Stoking hitam dan kasut hitam.

Perempuan :

1. Jubah khas (di dalam Mahkamah Rayuan Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah sahaja).
2. Kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih, dan tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak.
3. Stoking hitam dan kasut hitam bertutup.

Semasa mengendalikan prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah, Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie dilarang memakai jubah peguam bela, peguam cara atau apa-apa jubah selain jubah khas Ketua Pendakwa Syarie, Pendakwa Syarie dan Peguam Syarie.

CONTOH TEKNIKAL JUBAH

KETUA PENDAKWA SYARIE, PENDAKWA SYARIE DAN PEGUAM SYARIE



Garis Panduan

Pakaian Pegawai Mahkamah di dalam Dewan Mahkamah Syariah.

Garis Panduan Pakaian Pegawai Mahkamah termasuk Pendaftar, Pegawai Penyelidik, Penolong Pendaftar, Pembantu Pendaftar, Pembantu Hakim dan Jurubahasa ketika prosiding di dalam Dewan Mahkamah Syariah adalah seperti berikut:

Lelaki :

1. Songkok hitam;
2. Kot hitam, kemeja putih, tali leher gelap dan seluar panjang hitam; atau Baju Melayu Teluk Belanga hitam dan bersamping hitam bercorak.
3. Stoking hitam dan kasut hitam.

Perempuan :

1. Kot hitam, baju kurung warna gelap atau bercorak hitam putih, dan tudung warna putih, kelabu gelap atau hitam tidak bercorak.
2. Stoking hitam dan kasut hitam bertutup.

Arahan Amalan ini tidak terpakai kepada anggota keselamatan beruniform yang bertugas di dalam Dewan Mahkamah Syariah.